

# Islam Hadhari bawa perubahan

BH-11/2/2006

## Berjaya perkukuhkan toleransi pelbagai kaum

Laporan Azman Zakaria,  
Wan Hazmir Bakar  
dan Sazarina Shahrin

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan Malaysia adalah pendekatan yang wajar untuk membawa pembaharuan yang diperlukan negara serta umat Islam seluruhnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia berada pada kedudukan baik untuk memulakan pembaharuan itu kerana ia adalah negara dengan penduduk berbilang bangsa dan agama, yang mengambil kepelbagaian itu sebagai aset yang mesti dipupuk.

"Sebenarnya, kita hanya memperkukuhkan lagi toleransi yang diamalkan serta kebebasan beragama yang diamalkan berdekad-dekad lamanya.

"Kita berharap untuk menunjuk-

kan contoh bahawa negara Islam boleh moden, berdaya saing dalam ekonomi, demokratik dan adil kepada semua rakyatnya tanpa mengira agama anutan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian

**“***la cara mengamalkan agama ini pada zaman moden tetapi tetap kukuh berpaksi kepada nilai murni serta ajaran Islam”*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

dalam ucap terna di persidangan antarabangsa bertema 'Who Speaks For Islam? Who Speaks For The West?' di sini, semalam.

Beliau menjelaskan, Islam Hadhari bukan agama atau mazhab baru ataupun ideologi baru serta bukan juga untuk mengambil hati Barat.

"Ia juga bukan pendekatan untuk memohon maaf terhadap kemungkinan ancaman Islam ataupun pendekatan memperoleh pengiktirafan bagi mendapatkan imej Islam yang lebih mesra serta lembut.

Beliau berkata, umat Islam perlu memberi penekanan kepada konsep Islam Hadhari yang meletakkan ketupamaan mengejar ilmu sebagai satu daripada 10 prinsipnya.

Katanya, wujud prinsip peradaban dalam agama yang jika direalisasikan akan membawa kegemilangan kepada umat Islam seperti masa lalu.



**HUBUNGAN ERAT:** Abdullah bersalaman dengan bekas Presiden Iran, Mohammad Khatami sebelum menyampaikan ucap terna di persidangan "Who Speaks For Islam? Who Speaks For The West?" di Kuala Lumpur, semalam.